



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

SIARAN MEDIA

PENJADUALAN SEMULA SESI TEMU DUGA, UJIAN PEMERIKSAAN FIZIKAL, PANCAINDERA DAN KECERGASAN (UFPK), *PROFESSION ASSESSMENT CENTRE* (PAC), UJIAN BAKAT DAN UJIAN KOMPETENSI PEMANDUAN (UKP) BAGI CALON TERJEJAS BANJIR

PUTRAJAYA, 24 November 2025 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) bersedia untuk menjadualkan semula sesi temu duga, Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan (UFPK), *Profession Assessment Centre* (PAC), Ujian Bakat dan Ujian Kompetensi Pemanduan (UKP) berikutan situasi cuaca buruk di beberapa buah negeri pada ketika ini. Sehubungan itu, **calon temu duga, UFPK, PAC, Ujian Bakat dan UKP yang tidak dapat hadir akibat banjir** boleh menghubungi urus setia seperti berikut untuk memohon tarikh penjadualan semula:

Bil.	Urusan	Talian untuk dihubungi
1.	Temu duga bagi calon Gred 5 dan Gred 9	No. Tel: 03-8091 9393 / 9394 / 9357 / 9406 E-mel: utdpg@spa.gov.my
2.	Temu duga bagi calon Gred 1	No. Tel: 03-8091 9434 / 9292 / 9342 E-mel: imran@spa.gov.my / fauzi@spa.gov.my
3.	Temu duga bagi jawatan Penolong Pegawai Farmasi Gred U5	No. Tel: 03 - 8091 9450 / 9318 / 9297 E-mel: unitseparaperubatan@spa.gov.my
4.	Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan (UFPK)	No. Tel: 03-8091 9268 / 9270 / 9262 E-mel: unitfizikal@spa.gov.my
5.	<i>Profession Assessment Centre</i> (PAC), Ujian Bakat dan Ujian Kompetensi Pemanduan (UKP)	No. Tel: 03-8091 9261 / 9264 E-mel: unitpac@spa.gov.my

Penjadualan semula tarikh baharu sesi temu duga, UFPK, PAC, Ujian Bakat dan UKP akan dimaklumkan melalui e-mel. Calon juga boleh menyemak urusan berkenaan melalui Portal Rasmi SPA serta saluran akaun media sosial rasmi SPA.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
24 NOVEMBER 2025